

## Book Review | Ulasan Buku

**Ali bin Muhammad Al-Māwardi, 2006, *Al-Ahkām As-Sultāniyyah*, Tahkik: Ahmad Jād, 1 Jilid, 336 halaman.**

Muhammad Hazim Ahmad  
Universiti Sains Islam Malaysia

### Pendahuluan: Biografi Kitab

Judul kitab ini ialah '*Al-Ahkām As-Sultāniyyah*' atau nama penuhnya '*Al-Ahkām As-Sultāniyyah wa Al-Wilāyah Ad-Dīniyyah*' iaitu 'Hukum-hakam Pemerintahan dan Kekuasaan dalam Islam'. Tema utama kitab ini berkaitan sistem pemerintahan, pentadbiran dan kekuasaan menurut pandangan hukum syarak. Kitab ini ditulis secara keseluruhan di dalam bahasa Arab.

Tujuan utama penulisan kitab ini untuk memenuhi kehendak pemerintah pada zaman itu<sup>i</sup> bagi membolehkan mereka mengetahui pendapat aliran-aliran mazhab fiqah supaya mereka dapat menunaikannya serta dapat menjalankan tanggungjawab mereka untuk menegakkan keadilan dalam pelaksanaan serta hukuman mereka dan tindak-tanduk mereka.<sup>ii</sup>

Penulis telah membahagikan isi kitab kepada 20 bab iaitu perlantikan ketua negara, pelantikan menteri, pelantikan pengurus bagi negara, pelantikan pengurus jihad, bidang kuasa berdasarkan keutamaan (*masalih*), bidang kuasa *qadi*, bidang kuasa penguasa kezaliman (*Wilayah Al-Mazālim*), penjaga keturunan (*Zawī Al-Ansāb*), bidang kuasa imam sembahyang, ibadat haji, pengurusan zakat, harta rampasan, hal-ehwal atau perihal cukai kepala dan cukai tanah, perbezaan hukum di negeri-negeri, mengusahakan tanah terbiar serta mendapatkan sumber air, kawasan larangan serta kawasan simpanan, hukum-hakam pembahagian tanah, penubuhan jabatan serta hukumnya, hukum-hakam jenayah dan hukum hisbah.

Pada pendapat pengulas, daripada 20 bab yang dinyatakan, isi kitab ini dapat dibahagikan kepada 2 topik utama. Pertama, teori politik dan pemerintahan sesebuah negara dalam Islam iaitu pada bab pertama sehingga bab ketiga dan

kedua, kaedah-kaedah utama dalam pentadbiran umum dan kerajaan bagi sesebuah negara iaitu pada bab keempat sehingga bab terakhir.

Modus operandi yang digunakan oleh penulis kitab adalah berbentuk komparatif atau perbandingan di antara mazhab-mazhab fiqah Islam. Komparatif yang dilaksanakan adalah di antara mazhab-mazhab utama fiqah Islam iaitu Mazhab Hanafi dan Syafi'i. Kajian, penerangan dan penilaian terhadap perbincangan yang dinyatakan bagi setiap mazhab turut dilakukan oleh penulis bagi sesuatu bab atau isu yang hendak dihuraikan di dalam kitab ini.

Tambahan pula, penulis cenderung untuk menggunakan gaya dan laras bahasa sederhana yang mudah dan senang untuk difahami. Oleh itu, penggunaan gaya dan laras bahasa yang sederhana ini adalah lebih mesra dan mudah untuk difahami oleh mereka yang mempelajari syariah dan juga perundangan.

Seterusnya, kitab ini mempunyai sebuah jilid berdasarkan pada kebanyakan versi cetakan. Kitab *Al-Ahkām As-Sultāniyyah* yang diulas ini adalah versi cetakan *Dār Al-Hadīth*, iaitu cetakan pertama di Al-Qāhirah, Mesir pada tahun 2006 Masihi bersamaan tahun 1427 Hijrah. Juru tahkik kitab ini ialah Ahmad Jād. Jumlah halaman keseluruhan kitab ini adalah sebanyak 336 halaman. Kelebihan kitab versi ini adalah pada isinya yang disertakan dengan baris pada setiap perkataan, takhrij hadis-hadis yang digunakan oleh penulis dan huraian-huraian ringkas pada frasa-frasa tertentu yang dilakukan oleh juru tahkik kitab, iaitu Ahmad Jād. Usaha-usaha ini adalah bertujuan untuk membantu pembaca lebih memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis.

### Biografi Penulis

Nama penuh penulis kitab *Al-Ahkām As-Sultāniyyah wa Al-Wilāyāh Ad-Dīniyyah* ialah Ali bin Muhammad bin Habib Al-Māwardi Al-Basrī Asy-Syāfi'i.<sup>iii</sup>

Al-Māwardi dilahirkan pada tahun 364H di Basrah, kemudian berpindah ke Baghdad.<sup>iv</sup> Beliau meninggal dunia di Baghdad pada tahun 450H,<sup>v</sup> semasa umurnya 86 tahun.<sup>vi</sup>

Beliau adalah salah seorang daripada ulama besar mazhab Syafi'i.<sup>vii</sup> Beliau juga pernah dianugerahkan pangkat hakim tertinggi di zamannya<sup>viii</sup> dan pernah menjadi hakim di kebanyakan daerah di Baghdad.<sup>ix</sup> Para khalifah dan penguasa pada ketika itu sangat menghormati Al-Māwardi kerana sumbangannya dalam bidang ilmu dan penulisan

yang sangat banyak kepada masyarakat dan juga negara.<sup>x</sup>

Al-Māwardi sangat aktif dalam penulisan ilmiah,<sup>xi</sup> terutamanya dalam bidang usul fiqh serta cabangnya dan lain-lain.<sup>xii</sup> Antara kitab yang telah dihasilkan oleh Al-Māwardi ialah *An-Nukat wa Al-'Uyun*,<sup>xiii</sup> *Al-Hāwī Al-Kabīr fi Fiqh Mazhab Al-Imām Asy-Syāfi'i*,<sup>xiv</sup> *Al-Iqnā' fi al-Fiqh Asy-Syāfi'i*,<sup>xv</sup> *Al-Ahkām As-Sultāniyyah wa Al-Wilāyāh Ad-Dīniyyah*,<sup>xvi</sup> *Adab Al-Qādhi*,<sup>xvii</sup> *Qānun Al-Wizārah*, *Nasihat Al-Mulk*, *Tashīl An-Nazar wa Tajīl Az-Zafar fi Akhlaq Al-Mulk wa Siyāsah Al-Mulk*,<sup>xviii</sup> *Adab Ad-Dunyā wa Ad-Dīn*,<sup>xix</sup> *Al-Amthal wa Al-Hikam*,<sup>xx</sup> *A'lām An-Nubūwwah*,<sup>xxi</sup> dan banyak lagi.

### Ulasan Kitab

Sepertimana yang telah dinyatakan, penulis membahagikan isi kitab kepada 20 bab. Pengulas akan memberikan ulasan yang umum pada kebanyakan bab dan akan membuat beberapa penekanan dan perincian secara khusus kepada bab-bab tertentu yang masih sesuai diamalkan pada zaman sekarang terutamanya di Malaysia.

Perlantikan ketua negara adalah wajib menurut kesepakatan ulama, namun mereka berbeza pendapat sama ada kewajiban tersebut adalah menurut logik atau syarak. Mereka yang berpendapat bahawa kewajiban tersebut berdasarkan logik menyatakan bahawa perlantikan ketua negara dapat menghalang daripada berlakunya kezaliman dan menyatukan rakyat dalam pelbagai urusan. Manakala pendapat yang menyatakan kewajiban menurut syarak adalah berpandukan kepada firman Allah dalam Surah An-Nisa, ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu Rasulullah dan kepada ‘Ulil-Amri’ (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”

Seterusnya, penulis menyatakan bahawa kewajiban perlantikan ketua negara adalah salah satu daripada kewajiban sosial (fardhu kifayah) seperti jihad dan menuntut ilmu. Perlantikan ketua negara dilakukan melalui dua cara, iaitu, *Ikhtiyar Ahlu Al-'Aqdi wa Al-Halli*<sup>xxii</sup> dan lantikan dari ketua negara sebelumnya. Setelah itu, Al-Mawardi menghuraikan syarat-syarat dan tanggungjawab yang dipikul oleh *Ahlu Al-'Aqdi wa Al-Halli*. Kemudian, terdapat tujuh syarat kelayakan menjadi ketua negara iaitu, adil, berilmu dan mampu berjihad dalam menyelesaikan masalah semasa, sempurna pancaindera, sempurna tubuh badan, mempunyai idea yang boleh menolongnya memimpin rakyat serta mengurus kepentingan negara, mempunyai keberanian serta kekuatan dan berketurunan baik. Pengulas mendapati bahawa syarat-syarat kelayakan ini juga dinyatakan oleh kebanyakan ulama.<sup>xxiii</sup> Terdapat beberapa tugas dan tanggungjawab seorang ketua negara antaranya, menjaga prinsip-prinsip agama, melaksanakan hukum dalam kalangan masyarakat, mengelola perekonomian masyarakat, menegakkan hukuman untuk menjaga hak-hak manusia,

melakukan jihad melawan musuh dan banyak lagi. Selanjutnya, terdapat empat lembaga di bawah kekuasaan ketua negara iaitu lembaga yang berkuasa umum dalam tugas-tugas umum,<sup>xxiv</sup> lembaga yang berkuasa umum dalam tugas-tugas khusus,<sup>xxv</sup> lembaga yang kuasanya khusus<sup>xxvi</sup> dan lembaga yang kuasanya khusus dalam tugas-tugas khusus.<sup>xxvii</sup>

Menurut Al-Mawardi, kementerian itu terbahagi kepada dua, *wazir tafwīdh*<sup>xxviii</sup> dan *wazir tanfīz*.<sup>xxix</sup> Terdapat beberapa perbezaan di antara kedua-dua jenis kementerian. Antara perbezaan tersebut ialah syarat *wazir tafwīdh* adalah lebih banyak dan ringan berbanding *wazir tanfīz*, *wazir tafwīdh* boleh menentukan hukum-hukum sendiri dan boleh menjadi *wilāyah al-mazālim*, mereka juga boleh melantik pemimpin daerah, pemimpin tentera dan menggunakan kekayaan negara yang ada di baitul mal. Sementara itu, penulis kitab menyatakan bahawa pemerintahan peringkat daerah juga penting kerana sesuatu negara mempunyai wilayah yang sangat luas. Keluasan wilayah tersebut membolehkan penguasa daerah melaksanakan segala kuasanya di daerahnya. Kuasa pemerintah daerah terbahagi kepada dua iaitu kuasa umum dan khusus. Setiap jenis kuasa ini telah dihuraikan oleh penulis dengan teliti dan terperinci.

Kitab ini juga membincangkan berkaitan perlantikan pemimpin jihad untuk memerangi orang-orang musyrikin dan bidang kuasa terhadap peperangan yang berkepentingan. Walaupun konteks perbincangan adalah ke arah urusan jihad pada zaman dahulu namun, masih banyak pengurusan dan prinsip peperangan yang telah dinyatakan oleh penulis masih lagi terpakai pada zaman sekarang terutamanya kepada mereka yang menjawat jawatan Menteri Pertahanan.

Al-Māwardi meneruskan perbincangan ke bidang kuasa kadi atau hakim. Beliau menyatakan bahawa tidak sah melantik

seseorang itu sebagai kadi atau hakim sekiranya dia tidak memenuhi tujuh syarat yang dinyatakan iaitu, seorang lelaki yang mempunyai sifat baligh dan kekelakuan. Akan tetapi, di Malaysia, hakim juga boleh dilantik dari kalangan wanita. Hal ini demikian kerana Malaysia masih belum melaksanakan kes *hudud* dan *qisas*, dan inilah realiti yang berlaku dalam amalan sistem kehakiman syariah di Malaysia yang mana terdapat beberapa orang hakim syariah yang dilantik daripada kalangan wanita.<sup>xxx</sup>

Seterusnya, syarat untuk menjadi seorang hakim termasuklah berakal, merdeka, beragama Islam, adil, sempurna pancaindera dan berpengetahuan luas mengenai hukum-hukum syarak yang meliputi pengetahuan tentang dasar-dasar hukum<sup>xxxi</sup> serta cabangnya. Kemudian, penulis menyatakan bahawa kadi atau hakim tidak terikat dengan mazhabnya, bahkan dibenarkan berijtihad menggunakan fikirannya sendiri dan tidak semestinya bertaklid dengan pegangan mazhabnya dalam sesuatu masalah atau hukum. Seorang kadi atau hakim mempunyai dua bidangkuasa iaitu bidang kuasa umum dan khusus. Harus bagi hakim itu mempunyai bidangkuasa yang umum dengan tanggungjawab yang khusus. Berdasarkan amalan kehakiman di Malaysia, terutamanya mahkamah syariah, setiap hakim mahkamah mempunyai bidang kuasa yang umum dan juga khusus.<sup>xxxii</sup>

Perbincangan berikutnya adalah berkenaan perlantikan penjaga keturunan (*Zawī al-Ansāb*). Akan tetapi, pelaksanaan terhadap perlantikan seperti ini kurang diberi perhatian pada zaman sekarang kerana penjaga keturunan (*Zawī al-Ansāb*) ini bertujuan untuk melindungi mereka yang mempunyai keturunan yang mulia dari dilantik oleh orang yang tidak sekuflu dengan keturunan mereka dan tidak setara dengan kemuliaan mereka, supaya ia lebih dihormati dan arahannya lebih terlaksana. Pengulas berpendapat bahawa lantikan seperti ini sudah jarang wujud terutamanya

di Malaysia, kerana soal pangkat dan darjat sudah kurang ditekankan di Malaysia. Ada sahaja golongan diraja berkahwin dengan rakyat biasa, golongan hartawan bergaul dengan golongan sederhana dan bawahan.

Perbahasan seterusnya adalah berkenaan bidang tugas pegawai aduan penganiayaan. Tugas diwujudkan bertujuan untuk membolehkan orang-orang yang dianiayai mendapat keadilan serta dapat membanteras masyarakat daripada melakukan kezaliman kerana takut untuk melakukannya. Dalam mengendalikan tugas ini, kehadiran lima golongan yang wajib dan tidak boleh dihindari termasuklah pengawal, hakim, faqih, jurutulis dan saksi. Penulis telah menghuraikan peranan bagi setiap golongan tersebut secara terperinci.

Perkara yang dibincangkan seterusnya adalah berkaitan dengan perlantikan imam sembahyang. Terdapat tiga jenis imam sembahyang iaitu imam sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat dan sembahyang sunat. Malahan, terdapat lima perkara yang perlu diberi perhatian untuk perlantikan imam, antaranya ialah lelaki, adil, seorang qari, faqih<sup>xxxiii</sup> serta tiada cacat dalam sebutan atau gagap. Manakala, hamba, fasiq dan kanak-kanak dibolehkan menjadi imam tetapi tidak boleh menjadi wali.

Selain itu, perlantikan pengurus ibadat haji juga dibahas oleh Al-Mawardi. Syarat-syarat kelayakannya ialah dari kalangan orang yang dipatuhi oleh orang lain, mempunyai fikiran yang luas, mempunyai keberanian dan disegani serta mendapat pertunjuk daripada Allah. Pengurus ibadat haji mempunyai banyak tanggungjawab yang perlu digalas sepertimana yang telah disenaraikan oleh penulis. Perlantikan seperti ini dapat dilihat menerusi praktik di Malaysia, iaitu penubuhan Tabung Haji yang ditubuhkan khusus untuk pengurusan ibadat haji rakyat Malaysia.

Penulis juga turut membincangkan bidang kuasa pengurus zakat. Bidang kuasa

pengurus zakat adalah terhadap harta zakat yang zahir, iaitu dengan mengarahkan para pemiliknya mengeluarkan zakat keatasnya. Beberapa syarat yang harus ada dalam perlantikan ini ialah mestilah seorang yang merdeka, seorang Islam, seorang yang adil dan mengetahui tentang hukum-hukum zakat. Terdapat tiga cara perlantikan seorang pengurus zakat, iaitu dilantik untuk menerima zakat serta membahagi-bahagikannya, dilantik untuk menerima zakat tetapi dilarang daripada membahagi-bahagikannya, dan perlantikan yang tidak terikat iaitu boleh memungut zakat serta membahagikannya. Dalam konteks di Malaysia, pengurusan zakat diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri.<sup>xxxiv</sup> Penulis memanjangkan perbahasan dengan memuatkan perbincangan fiqah zakat berkenaan kadar zakat mengikut jenis daripada pelbagai mazhab.

Perbahasan seterusnya adalah berkaitan *al-fa'i* dan harta rampasan perang. Akan tetapi, pelaksanaan terhadap perlantikan seperti ini kurang diberi perhatian pada zaman sekarang kerana peperangan dalam Islam sudah tiada, maka *al-fa'i* dan harta rampasan perang juga sudah tidak relevan dalam kerangka zaman sekarang.

Al-Māwardi turut memberi penekanan tentang perlantikan pungutan cukai *al-jizyah* dan *al-kharaj*.<sup>xxxv</sup> Kedua-dua jenis cukai ini adalah dikenakan kepada golongan bukan Islam. Terdapat beberapa syarat yang dinyatakan terhadap pelaksanaan *jizyah* dan *kharāj*, yang mana telah dihuraikan oleh penulis secara jelas dan teliti.

Penting untuk diketahui bahawa tanah negara Islam terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu, Tanah Haram, Tanah Hijāz dan kawasan selainnya. Tanah Haram ialah kawasan Makkah serta kawasan tanah haram yang terdapat disekeliling kota Makkah dari semua arahnya. Sempadannya ialah dari Madinah berhampiran dengan Tan'im iaitu berhadapan dengan rumah Bani Nafār, jaraknya lebih kurang tiga batu. Selain itu, terdapat lima hukum khusus

berkaitan Tanah Haram, antaranya, tidak boleh dimasuki orang yang bukan dalam ihram, penduduknya tidak boleh diperangi, diharamkan memburu binatang, begitu juga memotong pokok-pokok yang tumbuh asal dan mereka yang bukan Islam tidak boleh memasukinya.

Perbincangan berkenaan *ihyā' al-mawāt* juga dimuatkan di dalam kitab ini. Al-Māwardi mengatakan bahawa sesiapa yang mengerjakan tanah yang terbiar,<sup>xxxvi</sup> maka ia memilikinya, sama ada dengan persetujuan ketua negara atau tidak. Dalam konsep menghidupkan tanah yang terbiar ini, terdapat tiga perkara yang perlu diambil kira iaitu, mengumpulkan tanah yang terdapat di sekelilingnya sehingga dia menjadi pemisah yang memisahkannya dengan tanah lain, memasukkan air ke dalamnya jika sekiranya tanah tersebut kering dan menakung airnya jika tanah itu berair dan membajaknya termasuklah menyamakan tempat yang rata, meruntuh tanah yang tinggi serta menimbus tanah yang rendah. Al-Māwardi menyatakan bahawa apabila ketiga-tiga syarat ini dipenuhi, maka sempurnalah pengusahaan tanah itu dan tanah tersebut menjadi milik kepada yang mengusahakannya. Penulis seterusnya membincangkan tentang perihal air, perigi dan juga mata air. Huraian daripada pelbagai sumber turut dilakukan olehnya.

Perbincangan mengenai perihal tanah diteruskan kepada kawasan larangan, kawasan simpanan, dan hukum pemberian tanah. Penulis telah menyatakan beberapa penjelasan dan huraian terhadap isu-isu yang berkaitan. Setiap penjelasan dan huraian yang diberikan adalah berlandaskan kepada nas-nas syarak serta perbincangan dalam kalangan mazhab-mazhab fiqah Islam serta pendapat-pendapat dari golongan Salaf.

Tidak kurang dari itu, Al-Māwardi turut membincangkan tentang pembentukan *dīwān* (jabatan) berserta hukum-hukum yang berkaitan. Pembentukan *dīwān* ini adalah hasil ijtihad saidina Umar bin Al-

Khattab yang bertujuan untuk memelihara hak-hak pemerintah berkaitan dengan urusan harta hak miliknya serta mereka yang mengurus dan melindunginya dari para pekerja dan tentera. Al-Māwardi membawakan beberapa kisah pelaksanaan *dīwān* pada zaman Saidina Umar bin Al-Khattab melalui pelbagai jalur periwayatan *atsar*. Seterusnya, Al-Māwardi membahagikan *dīwān* kepada empat bahagian<sup>xxxvii</sup> dan pada setiap bahagian mempunyai syarat kelayakan ahli, penetapan dan peruntukan yang tersendiri.

Perbincangan berkenaan dengan hukum-hukum kesalahan jenayah dalam Islam turut diketengahkan oleh Al-Māwardi secara ringkas tetapi padat. Penulis lebih mengutamakan kesalahan yang dikenakan hukuman hudud dan *ta'zir*. Perbincangan berkaitan dengan qisas tidak dimasukkan secara khusus di dalam kitab ini. Penentuan kesalahan jenayah boleh dilakukan oleh pemimpin, kadi atau hakim. Penentuan ini dilakukan sama ada melalui pengakuan atau keterangan. Penulis seterusnya membincangkan tentang cara pembuktian bagi kes-kes hudud.<sup>xxxviii</sup> Bagi kes-kes melibatkan hukuman *ta'zir*, hukumannya adalah berbeza mengikut perbezaan serta kesalahan yang dilakukan. Sedikit tambahan yang belum dijumpai pada mana-mana kitab fiqah, Al-Māwardi ada menyatakan bahawa hukuman *ta'zir* boleh dijalankan dengan tujuan untuk mengajarnya seperti dilucutkan pakaiannya, tetapi sekadar untuk menutup auratnya, boleh juga didedahkan kepada orang ramai dan boleh dihebahkan kesalahannya yang mana jika sekiranya kesalahan itu dilakukan berulang dan dia tidak bertaubat daripada melakukannya. Demikian juga, boleh dicukur kepalanya, akan tetapi janggut tidak boleh dicukur. Ada juga pendapat membolehkan mukanya diconteng dan ada juga yang menegah perbuatan ini.

Penulis mengakhiri perbincangan kitab ini dengan meletakkan perbincangan hukum-hukum berkaitan hisbah. Hisbah ialah

sesuatu perbuatan yang menggesa ke arah kebaikan apabila ternyata diabaikan dan melarang daripada perbuatan mungkar apabila ternyata dilakukan. Tugas ini walaupun sah dilakukan oleh setiap orang Islam, namun masih terdapat perbezaannya jika dibandingkan dengan orang dipertanggungjawabkan ke atas tugas hisbah ini, sebagai contoh, pegawai penguatkuasa, pegawai polis, dan lain-lain, yang mana tugasnya adalah fardhu ain. Malahan, dia ditugaskan untuk menentang perkara wajib yang diingkari, memberikan pertolongan kepada yang memohon bantuan darinya, melakukan siasatan terhadap kemungkaran yang dilakukan secara zahir dan banyak lagi.

Kedudukan hisbah pula adalah di pertengahan antara hukum-hukum berkaitan kehakiman dengan hukum-hukum berkaitan dengan penganiayaan terhadap manusia. Berdasarkan dua tugas utama hisbah iaitu galakan untuk melakukan perkara makruf

dan larangan daripada melakukan perkara mungkar, kedua-duanya merangkumi tiga aspek iaitu berkaitan dengan hak Allah, hak manusia, dan berkongsi antara hak Allah dan hak manusia. Pegawai hisbah tidak boleh mengingkari perkara yang menjadi perselisihan dalam kalangan para fuqaha dalam mengharamkan atau menghalalkannya kecuali terhadap perkara-perkara yang hanya sedikit terdapat perselisihan di dalamnya dan ia boleh membawa kepada perbuatan yang dilarang yang mana telah disepakati oleh semua pihak. Sebagai contoh, amalan riba yang melibatkan sejumlah wang yang mana perselisihan di dalamnya adalah sedikit sekali dan wang tersebut boleh membawa kepada amalan riba yang telah disepakati bahawa hukumnya adalah haram. Penulis membincangkan dan menghuraikan bidang kuasa pegawai hisbah secara mendalam dan terperinci berdasarkan tiga aspek yang telah dinyatakan sebentar tadi.

## Kritikan Dan Cadangan

Pada hemat pengulas, kitab *Al-Ahkām As-Sultāniyyah wa Al-Wilāyāh Ad-Dīniyyah* ialah karangan ilmiah pertama tentang ilmu politik dan pengurusan negara dalam sejarah Islam. Kitab ini adalah mahakarya milik Al-Māwardi yang dijadikan rujukan di seluruh dunia.

Adalah tidak dinafikan bahawa Al-Māwardi bukanlah ulama yang pertama membincangkan teori politik Islam kerana ulama yang pertama membincangkan hal ini ialah Al-Qadi Abu Yusuf, akan tetapi, Al-Māwardi ialah ulama pertama yang berusaha menghimpunkan kesemua perundangan dari nas-nas syarak dan perbincangan ulama Salaf berkaitan politik, pentadbiran dan pengurusan negara Islam ke dalam sebuah kitab yang dinamakan sebagai *Al-Ahkām As-Sultāniyyah*.<sup>xxxix</sup>

Para orientalis juga memuji kitab ini sebagai suatu kenyataan yang paling komprehensif tentang teori pemerintahan sistem khalifah dan menganggapnya sebagai dokumen utama dalam evolusi pemikiran politik Islam.<sup>xl</sup>

Teori-teori politik, pentadbiran dan pengurusan negara yang dinyatakan oleh Al-Māwardi adalah bersifat teori Islam klasik jika dibandingkan dengan teori-teori yang lebih moden dibawa oleh para ulama selepasnya. Pada hemat pengulas, ada beberapa teori politik yang diulas dan diurai dengan baik oleh sang penulis, dan ada juga beberapa teori politik yang sengaja dinyatakan tanpa disertakan penghuraian terhadap kenyataan tersebut.

Teori-teori politik yang dinyatakan adalah sesuai untuk dibandingkan dengan teori-teori yang dibawa oleh ulama sebelumnya

iaitu Al-Farābi, kerana situasi politik dalam dunia Islam pada zaman Al-Māwardi dan Al-Farābi adalah sama teruk. Al-Farābi mengembangkan teori politik yang serba sempurna sehinggakan menjadi sangat sukar untuk diimplementasikan dalam sesebuah negara.<sup>xii</sup> Manakala pendekatan yang dibawa oleh Al-Māwardi ke atas teori politik yang mana menuju ke arah realiti dan nyata, beliau juga menawarkan pelbagai saranan penambahbaikan atau reformasi dalam sistem politik sesebuah negara.

Mengenai 'keturunan Quraish' sebagai salah satu syarat menjadi ketua negara, Ibnu Khaldun menyatakan bahawa hal ini adalah hal *khilafīyyah* kerana ada pendapat yang setuju dan ada juga yang menolak syarat kelima ini.<sup>xiii</sup> Perincian mengenai hal ini telah dilakukan oleh Dr. Muhammad bin Muhammad Ali Fariyān, dan beliau menyimpulkan bahawa syarat kelima ini bukanlah syarat yang menjadi kayu ukur kepada sifat dan nilai kepemimpinan seseorang ketua negara, akan tetapi nilai keimanan dan ketakwaan yang sepatutnya menjadi kayu ukur dalam hal ini.<sup>xiii</sup>

Menerusi kitab ini juga, dapat dilihat beberapa usaha yang telah dilakukan oleh Al-Māwardi dalam menghasilkan garis panduan yang selari dengan perundangan syariah kepada para khalifah, menteri, pihak berkuasa dan lain-lain. Garis panduan tersebut juga termasuk beberapa sekatan dan halangan yang dinyatakan ke atas para pemimpin yang mana sebelum wujudnya kitab ini, tiada sebarang sekatan atau halangan atau batasan yang dikenakan ke atas para pemimpin dalam pemerintahan mereka.

Al-Māwardi menyatakan bahawa perlantikan imam boleh dijalankan melalui pemilihan berpandukan dua cara, iaitu *Ahlu Ikhtiyar* atau *Ahlu Al-'Aqdi wa Al-Halli* dan lantikan dari ketua negara sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa Al-Māwardi menyanggahi sistem pemerintahan demokrasi seperti yang diamalkan oleh kebanyakan negara pada abad ini. Beliau

memandang sistem demokrasi sebagai sistem yang gagal, terkutuk, tidak bermanfaat malah memberi kemudaratn kepada masyarakat.<sup>xiv</sup> Sistem perlantikan yang dicadangkan oleh Al-Māwardi ini adalah lebih sesuai dengan sistem pemerintahan monarki.

Al-Māwardi juga membentangkan idea mengenai kontrak sosial yang wujud di antara hubungan *Ahlu Ikhtiyar* atau *Ahlu Al-'Aqdi wa Al-Halli* dan imam atau ketua negara. Hubungan ini merupakan sebuah kontrak sosial atau perjanjian atas dasar sukarela yang mana merupakan suatu kontrak atau persetujuan yang melahirkan kewajipan dan hak bagi kedua belah pihak atas dasar timbal balik. Oleh kerana itu, selain berhak untuk ditaati oleh rakyat dan untuk menuntut kesetiaan penuh dari rakyat, imam juga sebaliknya mempunyai kewajipan-kewajipan yang harus dipenuhi terhadap rakyatnya seperti memberikan perlindungan kepada mereka dan menguruskan kepentingan mereka dengan baik dan penuh rasa tanggungjawab.

Penulis menyatakan bahawa ketua negara dipilih berdasarkan kesepakatan *Ahlu Ikhtiyar* atau *Ahlu Al-'Aqdi wa Al-Halli*. Akan tetapi, pengulas mendapati bahawa penulis tidak menjelaskan prosedur pemilihan *Ahlu Ikhtiyar* atau *Ahlu Al-'Aqdi wa Al-Halli* dan proses bagaimana mereka melantik ketua negara. Bahkan, pengulas mendapati bahawa adalah sukar untuk mewujudkan *Ahlu Ikhtiyar* atau *Ahlu Al-'Aqdi wa Al-Halli* pada zaman sekarang sekiranya ingin memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan oleh penulis.

Selain itu, pengulas mendapati bahawa penulis menolak idea pemerintahan oleh dua pemimpin di dalam sesebuah negara bahkan beliau juga tidak membincangkan modus operandi untuk melucutkan jawatan ketua negara dan siapakah yang selayaknya melucutkan jawatan tersebut. Pada pendapat pengulas, hal ini adalah untuk mengelakkan pemerintahan khalifah bani al-'Abbas daripada segera berakhir dan digantikan

oleh bani Buwaihi yang telah mendominasi politik pemerintahan pada zaman itu.

Memandangkan kitab ini telah dihasilkan lebih daripada 1000 tahun yang lalu, maka sudah ada beberapa perkara yang dinyatakan di dalam kitab tersebut yang tidak lagi terpakai pada zaman sekarang disebabkan faktor perubahan masa, zaman dan juga kontrak sosial, seperti pembahagian harta rampasan perang, hamba, perlantikan naqib, perlantikan kadi atau hakim dari kalangan lelaki sahaja, dan lain-lain.

Sungguhpun begitu, masih banyak lagi daripada kandungan kitab yang terpakai pada zaman kini, menjadikan kitab ini masih lagi relevan dan sesuai untuk dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam hal-hal melibatkan politik, pentadbiran dan pengurusan negara dalam kerangka Islam.

Selain itu, penggunaan gaya dan laras bahasa yang digunakan oleh penulis adalah ditahap mudah dan senang untuk difahami oleh mereka yang ingin membaca atau merujuk kitab ini, terutamanya pelajar syariah, perundangan dan sains sosial. Memandangkan penulis telah lama meninggal dunia, maka tiada sebarang penambahan mahupun pengurangan dilakukan terhadap isi kitab, namun penambahan informasi atau komentari masih boleh dilakukan pada bahagian nota kaki tanpa menjejaskan kandungan asal kitab.

Huraian atau penerangan ringkas boleh dilakukan pada perkataan-perkataan, istilah-istilah atau ayat-ayat yang sukar difahami demi memudahkan pembaca untuk memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Setakat ini, masih belum ada lagi versi cetakan kitab ini yang diterbitkan berserta dengan huraian ringkas daripada mana-mana ulama kontemporari atau ahli

perundangan Islam yang mahir dalam bidang kitab ini.

Seterusnya, takhrij dan tahkik kepada nas-nas syarak yang digunakan oleh penulis juga perlu dilakukan oleh orang yang ingin mentakhrij dan mentahkik kitab pada zaman ini. Hal ini bukanlah berniat untuk menzahirkan kelemahan penulis dalam pemilihan nas-nas syarak, akan tetapi, untuk membantu para pembaca dalam membuat pilihan pada dalil-dalil yang telah dikemukakan oleh penulis sekiranya pembaca berhasrat untuk mengambil dalil yang terdapat dalam kitab ini untuk kegunaan dalam membuat apa-apa penulisan akademik.

Pada pandangan pengulas, kitab ini adalah di antara kitab rujukan utama yang khusus dalam bidang politik, pentadbiran dan pengurusan negara Islam yang sepatutnya dimiliki oleh para pemimpin, ahli politik, ahli akademik, ahli perundangan, pelajar dan ramai lagi terutamanya di Malaysia. Tambahan lagi, kitab ini juga digunakan oleh beberapa Jabatan di Malaysia, antaranya, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan lain-lain sebagai salah satu rujukan dalam perundangan di Malaysia bagi tujuan penghujahan dan penghakiman.

Suatu usaha penterjemahan atau pengalihan bahasa daripada Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu juga perlu dilakukan demi memudahkan rakyat Malaysia untuk membaca. Pengulas hanya berjaya menemukan beberapa versi terjemahan lama dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia. Setakat ini, pengulas masih belum lagi menjumpai terjemahan versi moden yang dimuatkan bersama beberapa penghuraian ringkas daripada penterjemah yang pernah diterbitkan.

## **Kesimpulan**



Sebagai kesimpulan dan penutup ulasan kepada kitab '*Al-Ahkām As-Sultāniyyah*', pengulas menyatakan bahawa kitab ini merupakan salah satu kitab perbincangan dan perbincangan sistem pemerintahan dan kekuasaan dalam Islam yang terbaik dan sangat komprehensif yang pernah dihasilkan oleh ahli ilmuan Islam. Al-Māwardi merupakan pemikir yang sangat moden di zamannya. Beliau merupakan peletak batu pertama kepada teori pemerintahan, politik dan kekuasaan dalam dunia Islam. Bahkan, beliau adalah orang yang pertama berjaya merumuskan dasar-dasar negara di saat orang lain masih belum mengenali istilah demokrasi dan tatacara pemilihan ketua negara.

Walaupun banyak teori yang dibawakan adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan dalam sistem demokrasi, namun teori-teori

tersebut masih lagi relevan untuk dijadikan panduan kepada negara-negara yang mengamalkan sistem pemerintahan monarki seperti Brunei, Arab Saudi dan Switzerland.

Tambahan lagi, kitab ini telah menjadi salah satu daripada rujukan utama para hakim dan peguam syarie di Malaysia. Antara bab di dalam kitab yang menjadi rujukan adalah bab bidang kuasa kadi atau hakim, kaedah pendakwaan, dan banyak lagi. Ini menunjukkan betapa pentingnya kitab ini dalam medan ilmu pengetahuan, terutamanya dalam bidang kehakiman dan pendakwaan. Oleh itu, adalah menjadi suatu kemestian kepada para peminat bacaan ilmiah untuk memiliki kitab ini sebagai sebahagian daripada bahan-bahan rujukan utama dalam membuat penghujahan, kajian ilmiah atau komentar terhadap sistem kehakiman dalam Islam.

## Rujukan

Adibah Abdul Rahim & Abdul Rauf Baharuddin. 2017. *Filsuf Ulung Islam: Al-Farābi*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Al-'Imrāni, Muhammad bin Ali (580H). 2001. *Al-Inbā' fī Tārīkh Al-Khulafā'*. Pentahkik: Qasim al-Samarrai. Cetakan pertama. Al-Qaherah: Dār Al-Āfāq Al-'Arabi.

Ali Fariyān, Muhammad bin Muhammad. 2000. *Arā' Ibn Taimiyyah fī Al-Hukm wa Al-Idārah*. Cetakan pertama. Riyadh: Dar Al-Albab lil Nasyr wa At-Tawzi'. hlm. 226-241

Al-Juwaini, Abdul Malik bin Abdullah (478H). 2009. *Al-Irsyād ila Qawāti' Al-Adillah fī Usul Al-'Itiqād*. Pentahkik: Ahmad Abdul Rahim As-Sayyih. Cetakan pertama. Al-Qahirah: Maktabah As-Thaqafah Ad-Diniyyah.

Al-Khathīb Al-Baghdādī, Ahmad bin Ali (463H). 1417H. *Tārīkh Baghdād*. Pentahkik: Mustafa Abdul Kadir Atha. Cetakan pertama. Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiah. Jil. 12.

Al-Māwardi, Ali bin Muhammad (450H). 1993. *Al-Ahkām As-Sultāniyyah wa Al-Wilāyah Ad-Dīniyyah*. Uthman bin Haji Khalid (terj.). Cetakan pertama. Institut Pengajian Tradisional Islam.

Al-Māwardi, Ali bin Muhammad (450H). 2006. *Al-Ahkām As-Sultāniyyah*. Pentahkik: Ahmad Jād. Cetakan pertama. Al-Qahirah: Dar Al-Hadīth.

Al-Yāfi'i, Abdullah bin As'ad (768H). 1997. *Mir'ah Al-Jinan wa Ibrah Al-Yaqzhan fī Ma'rifah Hawadith Az-Zaman*. Pentahkik: Khalil Al-Mansūr. Cetakan pertama. Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiah. Jil. 3.

- As-Suyuthi, Abdul Rahman bin Abu Bakar (911H). 2004. *Tārikh Al-Khulafā'*. Pentahkik: Hamdi Al-Damardash. Cetakan pertama. n.tt: Maktabah Nizar Mustafa Al-Bāz.
- Asy-Syīrāzī, Ibrahim bin Ali (476H). 1970. *Thabaqāt Al-Fuqāha*. Koreksi: Muhammad bin Mukaram Ibn Manzur. Pentahkik: Ihsan Abbas. Cetakan pertama. Beirut: Dār Ar-Rā'id Al-'Arabi.
- Az-Zahabi, Muhammad bin Ahmad (748H). 1985. *Siyar A'lām An-Nubalā*. Pentahkik: Syeikh Syuaib Al-Arnauth et al. Cetakan ketiga. Beirut: Muasasat Ar-Risalah. Jil. 18.
- Az-Zarkali, Khairuddin bin Mahmud (1396H). 2002. *Al-A'lām Qāmūs At-Turājīm*. Cetakan kelima belas. N.pl: Dār Al-'Ilmi li Al-Malāyīn. Jil. 4.
- Ibnu Al-Athir, Ali bin Muhammad (630H). 1997. *Al-Kāmil fī At-Tārīkh*. Pentahkik: Umar Abdul Salam Tadirimi. Cetakan pertama. Beirut: Dār Al-Kitāb Al-'Arabi. Jil. 8.
- Ibnu Al-Jawzi, Abdul Rahman bin Ali (597H). 1992. *Al-Muntazam fī Tārikh Al-Muluk wa Al-Umam*. Pentahkik: Muhammad Abdul Kadir Atha & Mustafa Abdul Kadir Atha. Cetakan pertama. Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiah. Jil. 16.
- Ibnu Katsir, Ismail bin Umar (774H). 1988. *Al-Bidāyah wa An-Nihāyah*. Pentahkik: Ali Syūrī. Cetakan pertama. n.pl: Dar Ihyā At-Turāth Al-'Arabi. Jil. 12.
- Ibnu Khaldun, Abdul Rahman bin Muhammad (808H). *Muqaddimah*. Tahkik: Abdullah Muhammad Ad-Darwish. Cetakan pertama. Dimashq: Dar Ya'rab. Jil. 1. hlm. 368-372.
- Ibnu Taghri Birdi, Yusuf bin Taghri (874H). t.t. *Al-Nujūm Al-Zāhirah fī Muluk Misr wa Al-Qāhirah*. Mesir: Wizārah Al-Thaqāfah wa Al-Irsyād Al-Qumi. Jil. 5.
- Mohd Nadzri bin Haji Abdul Rahman Ibrahim. 2013. *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah: Prinsip dan Amalan*. Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Anugerah Cekal Sdn Bhd.
- Rashda Diana. 2017. "Al-Mawardi dan Konsep Kenegaraan dalam Islam". *Tsaqafah Jurnal Peradaban Islam*. Mei. Vol. 13. No. 1.
- Al Baghdadi, Ahmad Mubarak. 1981. *The Political Thought of Abu Hasan Al Mawardi* (Tesis Falsafah Kedoktoran). University of Edinburgh.
- n.a. 2016. "Dua hakim wanita pertama Mahkamah Tinggi Syariah Malaysia dilantik." *Astro Awani*. <<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-hakim-wanita-pertama-mahkamah-tinggi-syariah-malaysia-dilantik-109363>>. Diakses pada: 27 November 2017
- Salleh Buang. 2016. "Hakim Wanita Di Mahkamah Syariah." *Utusan Online*. <<http://www.utusan.com.my/rencana/hakim-wanita-di-mahkamah-syariah-1.195374>>. Diakses pada: 27 November 2017
- Wan Naim Wan Mansor. 2015. "Abu Hasan Al-Mawardi: The First Islamic Political Scientist". *International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia*. <[http://www.iais.org.my/e/attach/AlMawardi\\_The%20First%20Islamic%20Political%20Scientist.pdf](http://www.iais.org.my/e/attach/AlMawardi_The%20First%20Islamic%20Political%20Scientist.pdf)>

---

## Nota

<sup>1</sup> Penulis tidak menamakan pemerintah yang dimaksudkan, namun berdasarkan kitab-kitab berkenaan sejarah khalifah Islam dan tempoh hayat penulis, terdapat 2 khalifah yang berkemungkinan besar merupakan pemerintah yang meminta penulis untuk menulis kitab ini, iaitu khalifah Al-Qādir Billah dan khalifah Al-Qāim Bi Amarillah.

Khalifah Al-Qādir Billah atau nama sebenarnya Ishak bin Al-Muqtadir. Beliau dilahirkan pada tahun 336H dan merupakan di antara khalifah di zaman pemerintah 'Abasiah. Beliau adalah seorang yang mahir dalam urusan agama dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Beliau menjadi khalifah 'Abasiah selama 41 tahun 3 bulan. Beliau wafat pada bulan Zulhijjah, iaitu hari pertama pada hari-hari Tashriq, pada tahun 422H. [*Siyar A'lām An-Nubalā'* (15/127-137)]

Khalifah Al-Qāim Bi Amarillah atau nama sebenarnya Abdullah bin Al-Qādir Billah. Beliau dilahirkan pada tahun 391H dan merupakan di antara khalifah di zaman pemerintah 'Abasiah. Beliau adalah seorang yang kacak, bertubuh sihat, *wara'*, beragama, zuhud, banyak bersedekah dan bersabar. Tambahan lagi, beliau mewarisi takhta ayahandanya Al-Qādir Billah pada tahun 422H ketika berumur 21 tahun dan memerintah selama 45 tahun. Beliau wafat pada malm Khamis, 13 haribulan Sya'ban 467H. [*Tārīkh Al-Khulafā'* (halaman: 298)]

<sup>ii</sup> Al-Māwardi menyatakan hal ini pada mukadimah kitabnya.

<sup>iii</sup> Al-'Imrāni, Muhammad bin Ali (580H). 2001. *Al-Inbā' fī Tārīkh Al-Khulafā'*. Pentahkik: Qasim al-Samarrai. Cetakan pertama. Al-Qaherah: Dār Al-Āfāq Al-'Arabi. Hlm. 308

<sup>iv</sup> Az-Zarkali, Khairuddin bin Mahmud (1396H). 2002. *Al-A'lām Qāmūs At-Turājīm*. Cetakan kelima belas. N.pl: Dār Al-'Ilmi li Al-Malāyīn. Jil. 4. Hlm. 327

<sup>v</sup> Asy-Syīrāzī, Ibrahim bin Ali (476H). 1970. *Thabaqāt Al-Fuqāha*. Koreksi: Muhammad bin Mukaram Ibn Manzur. Pentahkik: Ihsan Abbas. Cetakan pertama. Beirut: Dār Ar-Rā'id Al-'Arabi. Hlm. 131

<sup>vi</sup> Al-Khathīb Al-Baghdādī, Ahmad bin Ali (463H). 1417H. *Tārīkh Baghdād*. Pentahkik: Mustafa Abdul Kadir Atha. Cetakan pertama. Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiah. Jil. 12. Hlm. 102

<sup>vii</sup> Ibnu Katsir, Ismail bin Umar (774H). 1988. *Al-Bidāyah wa An-Nihāyah*. Pentahkik: Ali Syīrī. Cetakan pertama. n.pl: Dar Ihyā At-Turāth Al-'Arabi. Jil. 12. Hlm. 99.

<sup>viii</sup> Az-Zahabi, Muhammad bin Ahmad (748H). 1985. *Siyar A'lām An-Nubalā'*. Pentahkik: Syeikh Syuaib Al-Arnauth *et al.* Cetakan ketiga. Beirut: Muasasat Ar-Risalah. Jil. 18. Hlm. 64

<sup>ix</sup> Al-Yāfi'i, Abdullah bin As'ad (768H). 1997. *Mir'ah Al-Jinan wa Ibrah Al-Yaqzhan fī Ma'rifah Hawadith Az-Zaman*. Pentahkik: Khalil Al-Mansūr. Cetakan pertama. Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiah. Jil. 3. Hlm. 56

<sup>x</sup> Ibnu Taghri Birdi, Yusuf bin Taghri (874H). t.t. *Al-Nujūm Al-Zāhirah fī Muluk Misr wa Al-Qāhirah*. Mesir: Wizārah Al-Thaqāfah wa Al-Irsyād Al-Qumi. Jil. 5. Hlm. 64

<sup>xi</sup> Ibnu Al-Athir, Ali bin Muhammad (630H). 1997. *Al-Kāmil fī At-Tārīkh*. Pentahkik: Umar Abdul Salam Tadirimi. Cetakan pertama. Beirut: Dār Al-Kitāb Al-'Arabi. Jil. 8. Hlm. 163

<sup>xii</sup> Ibnu Al-Jawzi, Abdul Rahman bin Ali (597H). 1992. *Al-Muntazam fī Tārīkh Al-Muluk wa Al-Umam*. Pentahkik: Muhammad Abdul Kadir Atha & Mustafa Abdul Kadir Atha. Cetakan pertama. Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiah. Jil. 16. Hlm. 41

<sup>xiii</sup> Merupakan sebuah kitab tafsir Al-Quran lengkap 30 juzuk.

<sup>xiv</sup> Merupakan sebuah kitab fiqh Islam mazhab Syafi'i, syarah kepada kitab *Mukhtasar Al-Umm* karangan Al-Muzani. Kitab ini merupakan di antara kitab fiqh mazhab syafi'i yang paling banyak membahaskan ilmu fiqh mazhab Syafi'i.

<sup>xv</sup> Merupakan sebuah kitab fiqh Islam mazhab Syafi'i, ringkasan kepada kitab *Al-Hāwī Al-Kabīr fī Fiqh Mazhab Al-Imām Asy-Syāfi'i*.

<sup>xvi</sup> Merupakan sebuah kitab berkaitan sistem pemerintahan, pentadbiran dan kekuasaan menurut pandangan Islam.

<sup>xvii</sup> Merupakan sebuah kitab fiqh Islam khusus dalam membincangkan etika seorang kadi atau hakim.

<sup>xviii</sup> Merupakan kitab-kitab yang bertemakan Siyasah Asy-Syar'iyyah dan Sistem Kehakiman.

<sup>xix</sup> Merupakan sebuah kitab peradaban mengenai etika-etika bermasyarakat serta keutamaan beragama.

<sup>xx</sup> Merupakan sebuah kitab yang menghimpunkan kata-kata hikmah yang terdiri daripada hadis, mutiara kata dan bait syair.

<sup>xxi</sup> Merupakan sebuah kitab sirah kenabian.

<sup>xxii</sup> Iaitu orang yang mengurai atau mengikat ataupun lembaga pemilih.

<sup>xxiii</sup> Al-Juwaini, Abdul Malik bin Abdullah (478H). 2009. *Al-Irsyād ila Qawāti' Al-Adillah fi Usul Al-I'tiqād*. Pentahkik: Ahmad Abdul Rahim As-Sayyih. Cetakan pertama. Al-Qahirah: Maktabah As-Thaqafah Ad-Diniyyah. hlm. 327-328

<sup>xxiv</sup> Para menteri dalam pelbagai tugas dan bidang yang mewakili ketua negara dalam semua urusan tanpa pengecualian.

<sup>xxv</sup> Para pemimpin negeri seperti Sultan dan Menteri Besar kepada setiap negeri dan lain-lain

<sup>xxvi</sup> Para hakim, penjaga keamanan seperti tentera dan polis, pemungut cukai dan zakat dan lain-lain

<sup>xxvii</sup> Para hakim daerah, pegawai daerah, dan lain-lain.

<sup>xxviii</sup> Menteri Penyerahan: Ketua negara melantik seorang menteri dan menyerahkan kepadanya pentadbiran dalam segala urusan, berpandukan pandangan serta ijtihadnya.

<sup>xxix</sup> Menteri Pelaksana: Tugas menteri ini adalah terbatas kepada apa yang diputuskan oleh ketua negara serta pentadbirannya.

<sup>xxx</sup> n.a. 2016. "Dua hakim wanita pertama Mahkamah Tinggi Syariah Malaysia dilantik." *Astro Awani*. <<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-hakim-wanita-pertama-mahkamah-tinggi-syariah-malaysia-dilantik-109363>>; Salleh Buang. 2016. "Hakim Wanita Di Mahkamah Syariah." *Utusan Online*. <<http://www.utusan.com.my/rencana/hakim-wanita-di-mahkamah-syariah-1.195374>>

<sup>xxxi</sup> Al-Mawardi menegaskan bahawa seseorang tidak layak menjadi hakim jika tidak memenuhi walau 1 daripada 4 perkara ini:

1. Pengetahuannya mengenai Al-Quran dengan cara yang benar yang membolehkannya mengetahui hukum-hukum, sama ada nasakh dan mansukh, muhkam dan mutashabih, umum dan khusus serta mujmal dan mufassar.
2. Pengetahuannya mengenai sunnah Rasulullah s.a.w. yang thabit dari perkataan serta perbuatan baginda serta cara sunna itu dipanjangkan, sama ada mutawatir atau ahad. Begitu juga tentang kesahihannya, kecacatannya, dan hubungannya dengan sebab ia diturunkan, secara mutlaq.
3. Mengetahui tentang takwil yang dilakukan oleh para Salaf, apa yang mereka sepakati dan berselisih. Ini bertujuan membolehkannya mengikuti ijmak dan melakukan ijtihad dengan fikirannya dalam perkara yang dipertikaikan.
4. Mengetahui tentang qiyas untuk membolehkannya merujuk perkara ranting yang tidak disentuh kepada perkara dasar yang disentuh dan diijmakan sehingga membolehkannya menemui jalan-jalan yang dapat mengetahui hukum-hukum yang diturunkan serta dapa membezakan kebenaran dan kebatilan.

<sup>xxxii</sup> Mohd Nadzri bin Haji Abdul Rahman Ibrahim. 2013. *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah: Prinsip dan Amalan*. Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Anugerah Cekal Sdn Bhd. halaman: 7-21

<sup>xxxiii</sup> Al-Mawardi menyatakan kadar minima yang dikira seseorang itu qari dan faqih ialah ia telah menghafaz Al-Fatihah dan tahu tentang hukum-hukum sembahyang, kerana ia adalah kadar yang

---

mustahak dalam sembahyang. Tetapi jika sekiranya dia menghafaz seluruh al-Quran dan mengetahui segala hukum-hakam, maka itu adalah lebih diutamakan.

<sup>xxxiv</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). hlm. 645-660

<sup>xxxv</sup> Perbezaan antara *kharāj* dan *jizyah* ialah:

1. *Jizyah* telah ditentukan oleh nas syara' sementara yang berkaitan dengan *kharāj* pula ialah ijtihad.
2. Kadar minima *jizyah* ditentukan oleh nas syara', manakala kadar maksimumnya berdasarkan ijtihad, sementara kadar minima dan maksima bagi *kharāj* berdasarkan ijtihad.
3. *Jizyah* dikenakan selama orang itu masih menjadi kafir, apabila ia memeluk Islam, maka gugurlah *jizyah* ini, sementara *kharāj* pula diambil sama ada orang itu masih kafir atau telah masuk Islam.

<sup>xxxvi</sup> Al-Māwardi menukilkan pendapat imam Syafi'i bahawa tanah terbiar adalah tanah yang tidak diusahakan dan tidak terlarang bagi seorang pengusaha, walaupun tanah itu berhampiran dengan tanah yang diusahakan.

<sup>xxxvii</sup> *Dīwān* (jabatan) pemerintah terbahagi kepada 4 bahagian, iaitu:

1. Berkaitan dengan tentera, iaitu tentang penetapan serta pemberiannya.
2. Berkaitan dengan pekerjaan, iaitu tentang bayaran dan hak-hak.
3. Berkaitan dengan pekerjaan atau petugas, iaitu tentang perlantikan dan pemberhentian kerja.
4. Berkaitan dengan *baitulmal*, iaitu mengenai pendapatan dan cukai *kharāj*.

<sup>xxxviii</sup> Pengulas telah membuat ulasan buku mengenai cara pembuktian kes-kes hudud, iaitu ulasan buku *At-Tashri' Al-Jinā'i Al-Islāmi Muqāranan bil Qānūn Al-Wadh'ie* karangan 'Abdul Qādir 'Audah. Ulasan ini boleh didapati pada 'Ulām Islāmiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences. 2016. Jil. 18. Disember. hlm. 253-263

<sup>xxxix</sup> Al Baghdadi, Ahmad Mubarak. 1981. *The Political Thought of Abu Hasan Al Mawardi* (Tesis Falsafah Kedoktoran). University of Edinburgh. hlm. 7 & 11

<sup>xl</sup> Wan Naim Wan Mansor. 2015. "Abu Hasan Al-Mawardi: The First Islamic Political Scientist". *International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia*. <[http://www.iais.org.my/e/attach/AlMawardi\\_The%20First%20Islamic%20Political%20Scientist.pdf](http://www.iais.org.my/e/attach/AlMawardi_The%20First%20Islamic%20Political%20Scientist.pdf)> hlm. 3

<sup>xli</sup> Adibah Abdul Rahim & Abdul Rauf Baharuddin. 2017. *Filsuf Ulung Islam: Al-Farābi*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd. hlm.89-142

<sup>xlii</sup> Ibnu Khaldun, Abdul Rahman bin Muhammad (808H). *Muqaddimah*. Tahkik: Abdullah Muhammad Ad-Darwish. Cetakan pertama. Dimashq: Dar Ya'rab. Jil. 1. hlm. 368-372.

<sup>xliii</sup> Ali Fariyān, Muhammad bin Muhammad. 2000. *Arā' Ibn Taimiyyah fi Al-Hukm wa Al-Idārah*. Cetakan pertama. Riyadh: Dar Al-Albab lil Nasyr wa At-Tawzi'. hlm. 226-241

<sup>xliv</sup> Rashda Diana. 2017. "Al-Mawardi dan Konsep Kenegaraan dalam Islam". *Tsaqafah Jurnal Peradaban Islam*. Mei. Vol. 13. No. 1. hlm. 171-172